

**PAKEJ JEMAAH HAJI 2025 (1446H) – TERMA DAN SYARAT**  
**HAJ 2025 (1446H) PILGRIM PACKAGE – TERMS AND CONDITIONS**

**1. Kewajipan Jemaah Haji / Haj Pilgrim's Obligations**

- 1.1 Memenuhi syarat kelayakan pendaftaran Haji yang ditentukan oleh MUIS dan telah diluluskan dan diperuntukkan tempat untuk menunaikan Haji.

*Meet the eligibility criteria for registration as Haj pilgrim stipulated by MUIS and has been approved and allocated a place to perform Haj.*

- 1.2 Mendapat kelulusan permit Haji dari pihak berkuasa Arab Saudi bagi tahun mengerjakan Haji.

*Obtain the approval for Haj permit from Saudi authorities for intended year of pilgrimage.*

- 1.3 **Mempunyai pasport yang sah, berlaku minima 6 bulan dari tarikh keberangkatan dan mengandungi sekurang-kurangnya 4 muka surat kosong.**

***Have a valid passport with a minimum validity of 6 months from the date of departure and with at least 4 blank pages.***

- 1.4 Menyerahkan semua dokumen yang diperlukan untuk permohonan visa dan/atau permit (seperti pasport, surat semua suntikan yang diperlukan, dokumen-dokumen lain untuk tujuan Haji, dll.) dalam tempoh permohonan yang diperlukan.

*Submit the required documents for visa and/or application (e.g. passport, proof of all required vaccinations, other related documents for the purpose of Hajj, etc.) within the requisite application period.*

- 1.5 Telah membaca, memahami dan menyetujui (dengan menandatangani di setiap muka surat) Terma dan Syarat Pakej Jemaah Haji ini yang ditawarkan.

*Have read, understood, and accept (by signing on every page of) the Terms and Conditions of this offered Haj Pilgrim Package.*

**Perhatian / Note:**

Proses permohonan permit akan mengambil masa, anda harus membuat penyesuaian jika perlu menggunakan pasport.

*As the permit application will take some time, you should make appropriate arrangements if you need to use your passport.*

**2. **Pembelian Pakej Haji Penuh TERMASUK/ Purchase of Full Haj Package INCLUDES:****

- 2.1 **Kandungan Pakej:** Program Haji, penginapan dan makan minum seperti termaktub, pengangkutan di Arab Saudi. Harga juga termasuk cukai-cukai semasa dan bayaran yang dikenakan oleh pihak berkuasa Saudi.

**Package Content:** *Haj programme, accommodation and meals as specified, transportation within Saudi Arabia. Price also includes prevailing taxes and charges imposed by the Saudi authorities.*

Travel Agent	Haj Pilgrim

2.2 **Bantuan Perubatan Kecemasan (EMA):** Peruntukan manfaat mengikut apa yang telah ditetapkan termasuk perlindungan insolvensi (kemuflihan) Pembekal.

*Emergency Medical Assistance (EMA): Provision of benefits as stipulated including cover for insolvency of Provider.*

2.3 **Perkhidmatan Perubatan MUIS:** Perkhidmatan perubatan di Arab Saudi.

*MUIS Medical Services: Provision of medical services in Saudi Arabia.*

2.4 **Perkhidmatan Pentadbiran AMTAS:** Penyediaan perkhidmatan pentadbiran Haji di Arab Saudi.

*AMTAS Administrative Services: Provision of administration of Haj services in Saudi Arabia.*

2.5 **Kos Masyair (Arafah-Muzdalifah-Mina):** Perkhidmatan seperti penginapan, makanan yang disediakan serta pengangkutan di Masyair dan pengangkutan darat Jeddah-Makkah/Shisha-Madinah-Jeddah.

*Masyair Cost (Arafah-Muzdalifah-Mina): Services rendered such as accommodation, meals and transportation during Masyair and land transportation Jeddah-Makkah/Shisha-Madinah-Jeddah.*

3. **Pakej Haji yang ditawarkan TIDAK TERMASUK / Haj Package offered EXCLUDES:**

3.1 **Tiket Pesawat:** Kelas ekonomi dan cukai/caj semasa (bahan api/fuel, perkhidmatan penumpang, levi penerbangan, perkhidmatan keselamatan penumpang). Tiket pesawat kelas lain atas permintaan anda - jika ada dan dengan bayaran tambahan oleh anda.

*Air Ticket: Economy class airfare and prevailing taxes/charges (fuel, passenger service, aviation levy, passenger security service). Airfare on other class upon your request - subject to availability and with additional payment by you.*

3.2 Dam untuk Haji tamattu' dan Dam untuk kecuaihan manasik Haji yang lain.

*Dam for Haj tamattu' and Dam for non-observance of other Haj rites.*

3.3 Segala perbelanjaan dan barangan kegunaan peribadi.

*All personal expenses and items of personal nature.*

3.4 Perbelanjaan perubatan dan perkhidmatan lain di luar tanggungan perlindungan EMA, seperti rawatan kemoterapi, dialisis dan rawatan pakar kesihatan.

*Medical expenses and other services not covered by EMA, for example chemotherapy, dialysis, and specialist treatment.*

Travel Agent	Haj Pilgrim

3.5 Perkhidmatan atau produk yang tidak tertera di dalam pakej yang dipilih seperti perkhidmatan kerusi roda dengan bantuan, dll.

*Services or products not specified in the package selected such as the use of wheelchairs with assistance, etc.*

3.6 Sagu hati dan habuan.

*Gratuities and tipping.*

3.7 Bayaran lebihan bagasi, perbelanjaan pengiriman barangan peribadi ke tanah air.

*Excess baggage charge, freight charges for personal items delivered home.*

3.8 Bayaran vaksinasi dan inokulasi.

*Vaccination and inoculation charges.*

3.9 Bayaran tambahan ditanggung sekiranya jemaah dijangkiti penyakit yang berjangkit (seperti kos pengasingan di hotel atau apartment dan pengangkutan di Arab Saudi).

*Additional expenses incurred by pilgrims for any contagious diseases (e.g. isolation in designated hotel or apartment and transportation within Saudi Arabia).*

#### **4. Insuran Perjalanan / Travel Insurance**

4.1 Oleh kerana keadaan geopolitik yang tidak menentu, jemaah sangat digalakkan untuk memperolehi insuran perjalanan untuk meliputi risiko pembatalan perjalanan yang bersesuaian dengan keadaan semasa yang tidak menentu atau mengalami masalah kesihatan atau menanggung kesulitan lain semasa pelaksanaan ibadah Haji anda.

*Due to the uncertain geopolitical situation, pilgrims are highly encouraged to obtain travel insurance to cover risks of trip cancellation for unforeseen events or other medical conditions or other risks encountered whilst performing the Haj.*

#### **5. Jadual Pembayaran / Payment Schedule**

5.1 **80% dari harga penuh Pakej Haji ("Kandungan Pakej") dari 5 November – 17 November 2024.**

***80% of full price of the Haj Package ("Package Content") from 5 November – 17 November 2024.***

5.2 **20% baki dari harga penuh Pakej Haji pada 30 December 2024.**

***20% balance of full price of Haj Package on 30 December 2024.***

5.3 **Bayaran penuh untuk Tiket Pesawat dari 1 Januari - 30 Januari 2025.**

***Full payment of Air Ticket between 1 January – 30 January 2025.***

5.4 **Harga pakej dan tiket pesawat yang dinyatakan di sini tidak muktamad jika pembekal utama akan mengenakan kos tambahan sebelum keberangkatan anda.**

Travel Agent	Haj Pilgrim

*The package price and airfares stated herein are not final if the principal suppliers were to impose additional charges prior to your departure.*

**Perhatian / Note:**

Jadual Pembayaran boleh berubah untuk memenuhi peraturan pembayaran di Saudi e-Haj portal yang mungkin dikenakan pihak berkuasa Arab Saudi (jika ada).

*Payment schedule may be revised to meet the requirements of the Saudi e-Haj portal payment stipulated by the Saudi authorities (if any).*

**6. Pembayaran penuh / Full payment**

- 6.1 Keberangkatan tertakluk pada pembayaran penuh dan jika gagal, bayaran pembatalan yang berkenaan akan dikenakan mengikut Terma dan Syarat yang terkandung ini.

*Departure is subject to full payment, failing which respective cancellation charges would apply in accordance with the Terms and Conditions herein.*

- 6.2 Harap jangan membayar penuh harga pakej sekali gus. Jadual pembayaran ini bertujuan untuk melindungi kepentingan anda dan anda harus mematuhi dengan tegas.

*Please do not disburse the full package price in one tranche. This payment schedule is intended to safeguard your interest, and you should adhere to it strictly.*

**7. Bayaran Pembatalan & Pemulangan – Syarat Umum / Cancellation Charges & Refund – General Conditions**

- 7.1 **S\$200 akan dipotong** oleh Pembekal untuk pembatalan dalam masa tujuh hari setelah berdaftar dengan Pembekal dan baki bayaran akan dipulangkan.

*S\$200 shall be forfeited to Provider where cancellation is made within seven days of registration with Provider and the balance payment refunded.*

- 7.2 **80% dari harga Kandungan Pakej** akan dipotong oleh Pembekal untuk pembatalan di dalam tempoh 45 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk keberangkatan, dan baki bayaran akan dipulangkan.

*80% of price of Package Content shall be forfeited to Provider where cancellation is made within 45 days prior to the date scheduled for departure, and the balance payment refunded.*

- 7.3 **Tiada pemulangan untuk pembatalan** dibuat dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk keberangkatan.

*No refund for cancellation made within 30 days prior to the date scheduled for departure.*

- 7.4 Walaupun telah ada fasal 7.1 dan 7.2, jika terdapat sebarang baki wang pembayaran yang perlu dipulangkan kepada Jemaah di bawah fasal-fasal tersebut yang telah dibayar Pembekal kepada pembekal perkhidmatan di Arab Saudi, jemaah bersetuju bahawa **Pembekal tidak diwajibkan untuk memulangkan wang berkenaan kepada Jemaah, sehingga Pembekal mendapat kembali dari pembekal perkhidmatan di Arab Saudi.**

Travel Agent	Haj Pilgrim

**Pembekal akan berusaha seberapa daya untuk mendapat kembali wang tersebut dari pembekal perkhidmatan di Arab Saudi.**

*Notwithstanding clauses 7.1 or 7.2, if any of the monies comprised in the balance payment due to the pilgrim under any of these clauses are being held by the service providers in Saudi Arabia to whom Provider has transferred the monies, the pilgrim agrees that **Provider is not obliged to refund these monies to the pilgrim until Provider is refunded these monies by the service providers.** Provider undertakes to use its best endeavours to promptly secure the refund of these monies from the service providers.*

- 7.5 **Pemulangan bayaran tiket pesawat adalah mengikut terma dan syarat syarikat penerbangan yang berkenaan.**

*Refund for payment of airfare is subject to the terms and conditions of the respective airlines.*

- 7.6 **Segala pengecualian atau pemotongan bayaran pembatalan berdasarkan ihsan, (seperti kematian, sakit tenat) adalah mengikut budi bicara Pembekal dan tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh pihak pembekal utama (seperti hotel, syarikat penerbangan, dll).** Bukti kukuh atas sebab-sebab pembatalan diperlukan untuk menyakinkan pihak Pembekal dan pembekal utama.

*Any waiver or reduction of cancellation charges based on compassionate grounds, (e.g. death, serious illness) will be decided in the sole discretion of Provider, contingent on conditions imposed by the principal suppliers (e.g. hotels, airlines, etc). Supporting documents for cancellation to the satisfaction of Provider and principal suppliers would be required.*

## **8. Penukaran Tempahan oleh Pembekal / Change of Booking by Provider**

- 8.1 Oleh kerana keadaan geopolitik yang tidak menentu, segala persiapan perjalanan ibadah Haji anda yang telah dilakarkan mungkin berubah mengikut keadaan semasa. Pembekal berhak membuat pindaan, namun tertakluk kepada kelulusan dari pihak MUIS (jika perlu). Pada kebiasaannya, penukaran tersebut adalah kecil tetapi jika penukaran tersebut besar, pihak Pembekal akan berusaha untuk memberitahu jemaah dan membuat perubahan logistik sewajarnya setelah mendapat kelulusan pihak MUIS (jika perlu).

*Due to the uncertain geopolitical situation, your pilgrimage arrangements may be changed in accordance with the prevailing circumstances. Provider reserves the right to make changes subject to the approval of MUIS (if required). Generally, such changes will be minor but if changes are major, we will do our best to advise you and make the necessary logistical adjustment, subject to the approval of MUIS (if required).*

- 8.2 Jika ada perubahan perjalanan dalam program Haji anda bersebab dari tindakan pihak yang di luar bidang kuasa Pembekal, seperti syarikat penerbangan atau sebarang penguasa, pihak Pembekal tidak bertanggungjawab segala pampasan atau tuntutan bagi pemulangan wang. Anda harus mengajukan tuntutan pampasan anda kepada pihak berkenaan mengikut terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh pihak tersebut. Pihak Pembekal akan berusaha membantu anda (jika dibolehkan dan mengikut kemampuan Pembekal) dalam permohonan atau tuntutan anda.

Travel Agent	Haj Pilgrim

*If the amendments or change in your pilgrimage arrangements are initiated or a result of actions by other parties which are outside the reasonable control of Provider, such as airlines or any authority, Provider cannot be held liable for any reimbursement or claims for refund. You should seek redress from the aforesaid party, and such claims may be subject to its prevailing terms and conditions. Provider may assist you (if permitted and within its means), to facilitate your claims.*

**9. Tanggung-Jawab dan Batasan Pembekal / Provider's Responsibilities and Limitations**

- 9.1 Tanggung-jawab Pembekal kepada jemaah termaktub (a) di sini, DAN (b) juga di dalam Surat Perjanjian Perlantikan (Pakej Haji) (DAHP) yang dilaksanakan oleh pihak Pembekal, yang ditetapkan MUIS dan ditandatangani Pembekal .

*Provider's responsibilities to you are stated (a) here AND (b) in the Deed of Appointment (Haj Packages) (DAHP) of the Provider, prescribed by MUIS.*

- 9.2 Jika Pembekal tidak peroleh sekurang-kurangnya 45 jumlah jemaah, perantikan Pembekal akan dibatalkan dan Pembekal harus mengalihkan tempahan jemaah ke Pembekal yang lain sepenuhnya. Segala wang yang telah dibayar kepada Pembekal akan dialihkan kepada Pembekal gantian yang terlantik dan dipilih jemaah.

*If the Provider fails to achieve the minimum number of 45 pilgrims, the appointment of the Provider will be withdrawn and the pilgrim's booking will be fully transferred to a replacement appointed Provider of the pilgrim's choice. All payments made by the pilgrim will be transferred by the Provider to the replacement appointed Provider selected by the pilgrim.*

- 9.3 Syarikat dan juga orang perseorangan di mana pihak Pembekal tidak mempunyai kuasa di atasnya turut terlibat di dalam perancangan dan persiapan perjalanan ibadah Haji anda. Pihak Pembekal telah berusaha dengan penuh teliti untuk memastikan agar pembekal perkhidmatan yang diterima telah memenuhi syarat yang ditentukan oleh pihak MUIS.

*Companies or individuals over which Provider have no control are also involved in the planning of your pilgrimage. Provider has taken all reasonable steps to ensure that the suppliers of services meet the requirements as prescribed by MUIS.*

- 9.4 Di dalam perjalanan ibadah Haji anda, akan berlaku penantian yang lama di lapangan terbang, di pusat Kastam dan Imigrasi, pusat pemeriksaan, di dalam pengangkutan, dll, disebabkan oleh bilangan jemaah yang terlalu ramai pada musim Haji. Pihak berkuasa Arab Saudi sentiasa berusaha untuk menguruskan jemaah Haji dengan secepat mungkin dan pihak Pembekal tidak akan mengambil sebarang tanggung jawab di atas kelewatan tersebut.

*During your pilgrimage, there will be times when there will be long delays at the airport, Customs and Immigration, checkpoints, during coach transfers, etc., due to the large number of pilgrims during the Haj. The Saudi authorities would do their best to process pilgrims as quickly as possible and Provider does not accept any liability for any such delay.*

Travel Agent	Haj Pilgrim



9.5 Pembekal tidak akan bertanggung jawab di atas segala perbelanjaan, pampasan atau pemulangan dari mana-mana bahagian Pakej Haji jika jemaah tidak dibenarkan menaiki pesawat oleh syarikat penerbangan atau agensi-agensi berkenaan di atas sebab kesihatan, dihantar pulang atau tidak diizinkan masuk oleh pihak Imigrasi atau Kastam atau pihak berkuasa Arab Saudi atau di atas apa jua alasan termasuk mempunyai pasport yang tidak sah, menyalahi peraturan kuarantin atau kastam dan memiliki barangan terlarang atau yang mencurigakan yang boleh mengakibatkan kecederaan atau kerosakan kepada orang awam atau harta benda.

*Provider cannot be held responsible for any expense, reimbursement, or refund of any component of the Haj Package if a pilgrim is denied boarding by airlines or other agencies on medical grounds, deported or refused entry by Saudi Immigration or Customs or other authorities for whatever reasons, including having improper travel documents, infringing quarantine or custom regulation and possession of unlawful items or irregularities that may cause harm or damage to person or property.*

9.6 Dalam tahap yang dibenarkan undang-undang Singapura, **Pembekal tidak akan bertanggung-jawab di dalam perjanjian ini** di atas segala pembatalan, kecederaan, kerosakan, kehilangan, kelewatan, perbelanjaan tambahan atau kesulitan akibat secara langsung atau tidak langsung **akibat peristiwa force majeure** termasuk tetapi tidak terbatas kepada takdir Ilahi, peperangan, tindakan keganasan, rusuhan, sekatan perjalanan, mogok karyawan, kebakaran, banjir, cuaca buruk, wabak dan pandemik atau perkara yang berlaku di luar kekuasaan munasabah Pembekal atau yang tidak boleh dielakkan setelah ditangani dengan teliti oleh pihak Provider.

*To the fullest extent permitted under Singapore laws, **Provider does not accept any liability in contract** or in tort for any cancellation, injury, damage, loss, delay, additional expenses or inconvenience caused directly or indirectly **by force majeure events** which include but are not limited to act of God, war, acts of terror, riot, lockout, industrial action, fire, flood, unusual severe weather, epidemic and pandemic or any events which are beyond its reasonable control, or which are not preventable by reasonable diligence.*

9.6 Pembekal berhak membatalkan segala tempahan jika syarikat penerbangan, hotel, pembekal atau kontraktor menolak jemaah berkenaan dari diterbangkan atau menyertai rombongan Haji atau pada perjalanan pulang, berdasarkan sebab-sebab yang sah dan di mana mungkin, setelah berbincang dan mendapatkan kelulusan dari pihak MUIS.

*Provider further reserves the right to cancel any reservations if, for any reason whatsoever, any carrier, hotel, supplier or contractor refuses to allow the person concerned to embark or participate in the pilgrimage or on its return journey, based on valid reasons, and where possible, after consultation with and obtaining approval from MUIS.*

9.7 Jika hal yang tersebut di atas berlaku, tanggung-jawab Pembekal terhadap kepada syarat pemulangan dari pihak hotel-hotel berkenaan, syarikat penerbangan, dll. (Jika ada yang dikembalikan) setelah dipotong perbelanjaan perkhidmatan yang telah digunakan dan yuran pentadbiran yang telah ditentukan.

*In any of the foregoing events, Provider's sole liability shall be limited to the provision of a refund from the relevant hotels, airlines, etc (if any is obtained), less the amount for services already utilised plus applicable administrative fees.*

Travel Agent	Haj Pilgrim

## 10. **Tanggung-Jawab Jemaah / Pilgrims' Responsibilities**

10.1 Seharusnya, jemaah sudah mempersiapkan diri untuk melaksanakan ibadah Haji. Pembekal berhak, mengikut budi bicara ia, (tetapi bertindak dengan munasabah pada setiap masa), untuk menolak atau tidak menerima sebarang jemaah sebagai anggota jemaah Haji jika seseorang itu, dengan munasabah, didapati akan membahayakan kesihatan atau keselamatan atau mengganggu keselesaan dan ketenteraman jemaah Haji yang lain atau mengakibatkan kerosakan pada harta benda.

*Ideally, your conduct and demeanour should befit a Haj pilgrim. Provider has the right, at its sole discretion, (but at all times acting reasonably), to decline or refuse to accept any person as a member of the pilgrimage if it reasonably appears that such person is likely to endanger the health or safety or impair the comfort and enjoyment of others on the pilgrimage or cause damage to property.*

10.2 Jika anda memilih, secara sukarela, untuk menyimpang, melanjutkan atau merubah aturcara atau program perjalanan ibadah Haji yang telah ditentukan, anda mengambil risiko sendiri dan bertanggung-jawab membayar sebarang bayaran tambahan akibat dari perubahan tersebut.

*If you choose, of your own free will, to deviate, extend or amend the prescribed itinerary or programme, you do so at your own risk and are liable for any charges or costs that may be incurred as a result.*

10.3 Jika anda di dalam rawatan perubatan, **pastikan anda membawa bekalan ubat-ubatan secukupnya** untuk menampung keperluan selama dalam perjalanan ibadah Haji. Anda bertanggung-jawab untuk memaklumkan sejarah perubatan dan daftar ubat-ubatan anda di dalam buku rekod rawatan yang diberikan oleh pihak MUIS. Buku rekod rawatan ini harus dibawa pada setiap lawatan ke klinik MUIS atau ke klinik dan hospital swasta atau kerajaan di Arab Saudi.

*If you are on medication, **please ensure that you bring adequate supplies** to cover the period of pilgrimage. You are responsible to provide adequate information of your medical history and record of medication in the medical treatment booklet provided by MUIS. This booklet should be presented at every visit to MUIS clinic or to any private or government clinics or hospitals in Saudi Arabia.*

10.4 Oleh kerana lokasi kemudahan yang disediakan berada di beberapa tempat, anda dinasihatkan agar bertanggungjawab terhadap **keselamatan wang dan harta benda serta kesihatan peribadi anda**.

*You are responsible for **your own cash and valuables and personal health** given the facilities and amenities provided are at various locations.*

10.5 Meskipun Pembekal telah menganjurkan kursus dan bimbingan Haji, kami tegaskan bahawasanya **anda bertanggung-jawab sepenuhnya di atas pelaksanaan ibadah Haji anda dan anda seharusnya sudah memahami manasik dan cara mengerjakan ibadah tersebut**.

*Although we provide Haj preparatory classes and religious guides, **we stress that you are ultimately responsible for the performance of your Haj and that you should be fully aware of the rituals of the Haj and how to perform them.***

Travel Agent	Haj Pilgrim



10.6 Jika terdapat sesuatu perkara yang anda tidak senangi (anda bersifat munasabah pada setiap masa) semasa di dalam perjalanan ibadah Haji dan perkara tersebut adalah di dalam kekuasaan kami, anda harus melaporkan kepada pihak kami dengan segera. Ini akan memudahkan pihak kami untuk memperbetulkan keadaan dengan sebaiknya dan di dalam kemampuan kami.

*In the very unlikely event of there being something not to your liking (you at all times acting reasonably) whilst on the pilgrimage that is within in our reasonable control, you must report to us immediately. This will give us the opportunity to correct the matter to the best of our abilities and within our means.*

10.7 Segala aduan atau tuntutan mestilah dibuat secara bertulis di dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh pulang anda. Kami tidak bertanggung-jawab di atas segala aduan atau tuntutan yang diajukan melebihi satu (1) bulan dari tarikh pulang anda.

*Any complaint or claim has to be made in writing within one (1) month from the date of your return. No responsibility is accepted in respect of any complaints or claims, which are made after one (1) month of your return.*

## 11. **Data Peribadi / Personal Data**

11.1 Anda telah memberi kami data peribadi untuk membuat tempahan. Dengan pemberian data peribadi, anda bersetuju untuk kami menerima, mengguna, mengongsikan dan/atau memproses data peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut:

- (a) untuk mengesahkan, memproses identiti anda dan tempahan anda; dan
- (b) untuk melaksanakan perkhidmatan di bawah Terma dan Syarat ini dan untuk memproses, memudahkan, melengkapkan, mengesahkan, memenuhi dan melaksanakan sebarang transaksi dan urusan antara anda dan kami dan lain-lain pembekal perkhidmatan untuk ibadah Haji anda.

*“data peribadi” bermaksud data, samada benar atau tidak, tentang seorang individu yang boleh dikenal pasti:*

- (a) dari data tersebut; atau*
- (b) dari data tersebut bersamaan dengan data atau informasi lain yang ada pada kami atau yang boleh kami akses.*

*You have submitted personal data to us for the booking. By submitting your personal data, you consent to the collection, use, disclosure and/or processing of your personal data by us for the following purposes:*

- (a) to verify, process and manage your identity and your booking; and*
- (b) to render or provide the services under these Terms and Conditions and to process, facilitate, complete, confirm, fulfil or carry out any transaction or dealing between you and us and other service providers for the purposes of the pilgrimage.*

*“personal data” means information, whether true or not, about an individual who can be identified:*

- (a) from that data; or*
- (b) from that data and other information to which we have or are likely to have access.*

Travel Agent	Haj Pilgrim

## Terma dan Syarat / *General Terms and Conditions*

12.1 Terma dan Syarat ini tertakluk kepada undang-undang Republik Singapura dan semua pihak bersetuju untuk mematuhi pengadilan mahkamah Singapura.

*These Terms and Conditions shall be subject to the Laws of Singapore and the parties agree to submit to the non-exclusive jurisdiction of the Courts of Singapore.*

12.2 Sekiranya terdapat sebarang pertikaian dan/atau ketidaksetujuan di antara Jemaah dan Pembekal di dalam penafsiran dan/atau pelaksanaan daripada mana-mana Terma dan Syarat ini, salah satu pihak yang terbabit boleh membuat pemberitahuan kepada Persatuan Agensi Pelancongan Islam Singapura (AMTAS), dan meminta pihak AMTAS supaya campur tangan dalam mencapai penyelesaian terhadap isu yang timbul di antara Jemaah dan Pembekal tersebut.

*In the event of any disputes and/or disagreements between any pilgrim and the Provider in the interpretation and/or implementation of any of these Terms and Conditions, either of them may notify the Association of Muslim Travel Agents Singapore ("AMTAS"), and request AMTAS to intervene to facilitate a resolution of the issues arising between the pilgrim and the Provider.*

12.3 Walaupun telah ada fasal 12.1, semua pertikaian atau perselisihan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini yang tidak dapat dihuraikan mengikut fasal 12.2, hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Persatuan Pengguna-pengguna Singapura (CASE) ATAU Pusat Pengantaraan Singapura (SMC) mengikut pilihan Pembekal, untuk penyelesaian melalui pengantaraan mengikut Prosedur Pengantaraan yang sedang berkuatkuasa oleh pihak berkenaan. Pihak yang terlibat bersetuju untuk menyertai pengantaraan dengan bermatlamat baik dan akan mematuhi keputusan penyelesaian yang dicapai.

*Notwithstanding clause 12.1, all unresolved disputes or differences arising out of or in connection with these Terms and Conditions which AMTAS is unable to assist in resolving pursuant to clause 12.2, shall first be submitted to either the Consumers Association of Singapore ("CASE") OR the Singapore Mediation Centre ("SMC"), at the option of the Provider, for resolution by mediation in accordance with the respective Mediation Rules for the time being in force of the said bodies. The parties agree to participate in the mediation in good faith and undertake to abide by the terms of any settlement reached.*

12.4 Kegagalan atau penangguhan oleh mana-mana pihak untuk menggunakan haknya tidak akan mengakibatkan pelepasan atau penepian hak tersebut, dan tiada pula penggunaan sebahagian hak di bawah Terma dan Syarat perjanjian ini menghalang penggunaan selanjutnya atau hak yang lain atau untuk membuat sebarang pembetulan.

*No failure on the part of any party to exercise and no delay on the part of such party in exercising any right hereunder will operate as a release or waiver thereof, nor will any single or partial exercise of any right under these Terms and Conditions preclude any other or further exercise of it or any other right or remedy.*

12.5 Terma dan Syarat ini (termasuk peruntukan yang berkaitan dengan Surat Perjanjian Perlantikan (Pakej Haji) (DAHP) yang dilaksanakan oleh pihak Pembekal yang melibatkan anda) membentuk seluruh perjanjian antara pihak-pihak yang terlibat dengan

Travel Agent	Haj Pilgrim

hal yang berkenaan. Ia menggantikan kesemua perjanjian sebelumnya, sama ada yang diberi secara lisan atau bertulis yang berhubung dengan perkara yang tersebut, dan tiada pelbagaian persyaratan selanjutnya, kecuali apa yang termaktub di sini, akan berkuat kuasa kecuali dengan izin yang bertulis dan ditandatangani oleh Pembekal atau wakil berkuasa Pembekal dengan anda.

*These Terms and Conditions (together with the relevant provisions of the DAHP of the Provider applicable to you) constitute the entire agreement between the parties in relation to its subject matter and supersedes all prior agreements and understandings whether oral or written with respect to such subject matter and no variation thereof, save as expressly provided herein, shall be effective unless reduced to writing and signed by or on behalf of the duly authorised representative of Provider and you.*

### **13. Perlindungan / Indemnity**

13.1 Anda dengan ini bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya dan tidak melibatkan pihak Pembekal daripada dan terhadap apa-apa kerugian, dan apa jua tindakan, penghakiman, tuntutan, permintaan, kos, kerugian, tuntutan pampasan dan perbelanjaan (termasuk semua kos perundangan dan yuran guaman atas dasar tanggung rugi penuh) yang mungkin pihak Pembekal akan terma atau tanggung atau dipertanggungjawabkan disebabkan atau akibat dari, berkaitan atau berbangkit dari tindakan anda sengaja tidak mematuhi mana-mana Terma dan Syarat yang termaktub ini.

*You shall indemnify and keep Provider indemnified from and against all losses, actions, proceedings, claims, demands, cost, damages, and expenses (including legal fees and expenses on a full indemnity basis) which Provider may incur or suffer or sustain by reason of, as a result of, in connection with or arising from your intentional or willful breach of these Terms and Conditions.*

### **14. Hak Pihak Ketiga / Third Party Rights**

14.1 Pihak yang tidak ada kaitan dalam Terma dan Syarat yang termaktub ini tidak mempunyai hak mengikut Akta Kontrak (Hak Pihak Ketiga) 2001, Singapura untuk menguatkuasakan sebarang Terma dan Syarat berkenaan.

*A person who is not a party to these Terms and Conditions has no right under the Contracts (Rights of Third Parties) Act 2001 of Singapore to enforce any term of these Terms and Conditions.*

### **15. Percanggahan Antara Terjemahan Bahasa / Conflict of Translation**

15.1 Terma dan Syarat ini adalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, dengan kesahihan yang setara bagi kedua-dua terjemahan. Jika terdapat percanggahan makna, maka terjemahan bahasa Inggeris akan dirujuk.

*These Terms and Conditions shall be made in Malay and English with equal validity. In case of conflict between the two translations, the English translation shall prevail.*

**End of Document**

Travel Agent	Haj Pilgrim

**PAKEJ JEMAAH HAJI 2025 (1446H) – TERMA DAN SYARAT**  
**HAJ 2025 (1446H) PILGRIM PACKAGE – TERMS AND CONDITIONS**

<b>Nama Pakej Haji / Name of Haj Package</b>		
<b>Harga pakej Haji (“Kandungan Pakej”) Price of Haj Package (“Package Content”)</b>	<b>Name of hotel in Makkah</b>	<b>S\$</b> <b>(Dbl / Trp / Quad)</b> <b>Shisha (4 / 5 / 6 per room)</b> <b>(If applicable)</b>
	<b>Name of hotel in Madinah</b>	
	<b>Name of apartment in Shisha</b>	

**(a) Harga pakej Haji termasuk / Price of Haj Package includes:**

<b>Kos Masyair / Masyair Cost</b>	<b>S\$3,700.00</b>
<b>Kos Perkhidmatan Pentadbiran AMTAS / AMTAS Administrative Cost</b>	<b>S\$200.00</b>
<b>Kos Perkhidmatan Perubatan MUIS / Medical Services Cost</b>	<b>S\$300.00</b>
<b>Kos EMA / EMA Cost</b>	<b>S\$445.00</b>

<b>Travel Agent</b>	<b>Haj Pilgrim</b>

**(b) Harga pakej Haji tidak termasuk / Price of Haj Package does not include:**

<b>Harga Tiket Pesawat &amp; Cukai Semasa / Airfare &amp; Prevailing Taxes</b>	<b>S\$</b> Pemulangan bayaran tiket pesawat adalah mengikut terma dan syarat syarikat penerbangan yang berkenaan. <i>Refund for payment of airfare is subject to the terms and conditions of the respective airlines.</i>
<b>Bayaran tambahan (jelaskan) / Additional payment (specify)</b>	<b>S\$</b>

Saya, yang bertanda-tangan di bawah ini, telah **membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat yang berkaitan dengan pakej Haji** yang tertera di atas dan Saya sertakan tanda-tangan sebagai bukti persetujuan. Saya akan memberikan keterangan diri dan maklumat lain yang diperlukan.

*I, the undersigned, have **read, understood and accept the Terms and Conditions governing the above-mentioned package** and I append my signature below as evidence thereof. I will furnish my personal particulars and other details as required.*

<b>Nama Jemaah Name of Pilgrim</b>	
<b>NRIC / Passport No.</b>	
<b>Tanda Tangan / Cap jari Signature / Thumbprint</b>	
<b>Tarikh / Date</b>	

Terma dan Syarat ini dikeluarkan oleh AMTAS. *These Terms and Conditions are issued by AMTAS.*

Sila minta butiran pakej Haji dan aturcara perjalanan dari Pembekal Perkhidmatan pilihan anda  
*Please obtain the Haj package details and itinerary from a Provider of your choice*

<b>Travel Agent</b>	<b>Haj Pilgrim</b>